

Cara Trade News

NFP (NONFARM PAYROLLS)



Fully credit to <https://intraday.my/>

Koleksi Ebook Forex Power Dalam Bahasa Malaysia -
<https://t.me/TraderEbookCenter>

FARHAN ALIF

Kali ini kami nak kongsi kepada anda cara-cara nak trade News NFP. Sebut pasal NFP, semua tahu ke NFP tu apa? Ok, NFP adalah Non-Farm Payroll iaitu data pekerjaan Amerika Syarikat yang dikeluarkan pada Jumaat pertama setiap bulan.

Sebenarnya, pada Jumaat setiap awal bulan Amerika Syarikat akan mengeluarkan 3 data pekerjaan utama iaitu:

- Average Hourly Earnings (Purata gaji per jam)
- Non-Farm Employment change, NFP (Perubahan pekerjaan bukan perladagan)
- Unemployment Rate (Kadar pengangguran)

Walaupun, ada tiga data yang dikeluarkan, tetapi trader-trader lebih suka menyebut ia sebagai data NFP. Ada cerita di sebalik kenapa trader biasanya menyebut ia sebagai NFP walaupun ia bukanlah data paling penting, tapi saya tak nak cerita pasal ni. Kita akan fokus terus macam mana nak trade data ini dikeluarkan.

Pertama sekali anda perlu tentukan data manakah yang paling penting daripada ketiga-tiga data di atas. Ok, turutan data mengikut keutamaan adalah bermula dengan Average Hourly Earnings diikuti data NFP dan seterusnya Unemployment Rate.

Kenapa data Average Hourly Earnings yang paling penting?

Sebab, ini adalah data yang menjadi tumpuan bank pusat Amerika Syarikat (The Fed). Kerana data ini dilihat sebagai proksi kepada data inflasi, di mana apabila kadar gaji meningkat akan menyebabkan inflasi turut naik. Saya rasa semua pasti sedar dengan kepentingan data INFLASI kepada pergerakan matawang.

Jika data sebenar Average Earnings melebihi jangkaan, ia adalah bagus kepada US dollar dan akan menyebabkan kenaikan matawang ini. Jika sebaliknya berlaku di mana data sebenar kurang daripada jangkaan, ia akan menyebabkan US dollar melemah.

Ok, kedua adalah data NFP (Non Farm Payroll atau Non farm employment change) iaitu perubahan jumlah pekerjaan di Amerika Syarikat sama ada bertambah atau berkurang. Biasanya kita akan membandingkan bacaan SEBENAR dengan JANGKAAN. Jika bacaan sebenar lebih tinggi daripada jangkaan, ia adalah bullish kepada US dollar.

Ketiga, adalah data kadar pengangguran iaitu peratusan pekerja yang menganggur. Jika data ini berkurangan, ia adalah baik kepada ekonomi dan baik kepada US dollar. Begitu juga sebaliknya.

Cara nak trade semasa NFP dikeluarkan

Saya nak tegaskan di sini, kita akan trade selepas data dikeluarkan. Tak ada istilah market dah jalan, sebab kita perlu kumpul maklumat dan analisis dahulu data yang dikeluarkan. Ya, memang kena cepat analisis, kalau tak memang kita tak sempat nak masuk position.

Ok, kita ambil contoh data NFP yang akan dikeluarkan pada Jumaat ini (6 April 2018). Anda boleh baca dan cuba hubungkan dengan NFP pada tarikh yang anda bakal hadapi. Ini hanyalah contoh berdasarkan ketika artikel ini ditulis.

Date	Time	Currency	Impact	Detail	Actual	Forecast	Previous
Sun							
Apr 1							
Mon							
Apr 2							
Tue							
Apr 3							
Wed	8:15pm	USD	High	ADP Non-Farm Employment Change		208K	235K
Thu	8:30pm	USD	High	Unemployment Claims		225K	215K
Fri	8:30pm	USD	High	Average Hourly Earnings m/m		0.3%	0.1%
		USD	High	Non-Farm Employment Change		190K	313K
		USD	High	Unemployment Rate		4.0%	4.1%
Apr 6							

Ok, macam yang saya katakan tadi kita trade NFP selepas data dikeluarkan. Jadi, **DATA YANG MACAM MANA KITA NAK TRADE?**

Berikut adalah apa yang perlu kita buat selepas data dikeluarkan dengan mengambil contoh USD/JPY:

Buy USD/JPY

- Jika data Actual Average Earnings **MELEBIHI** data Forecast. Contoh, $0.40\% > 0.30\%$
- Jika data Actual NFP **MELEBIHI** data Forecast. Contoh, $200k > 190k$

Sell USD/JPY

- Jika data Actual Average Earnings **KURANG DARIPADA** data Forecast. Contoh, $0.20\% < 0.30\%$ ATAU $0.10\% < 0.30\%$
- Jika data Actual **NFP KURANG DARIPADA** data Forecast. Contoh, bacaan yang kurang daripada 190k.

Buy USD/JPY semasa spike ke bawah

- Jika data Actual Average Earnings **MELEBIHI** data Forecast. Contoh, $0.40\% > 0.30\%$, tetapi dengan kombinasi data Actual NFP **KURANG DARIPADA** data Forecast. Contoh, bacaan yang kurang daripada 190k lebih-lebih lagi di bawah 150k.

Sell USD/JPY semasa spike ke atas

- Jika data Actual Average Earnings **KURANG DARIPADA** data Forecast. Contoh, $0.20\% < 0.30\%$, tetapi dengan kombinasi data Actual NFP **MELEBIHI** data Forecast. Contoh, $250k > 190k$

Diingatkan sekali lagi kepada semua trader yang mahu menggunakan cara ini, ANDA PERLU PANTAS MENGANALISIS selepas data dikeluarkan. Bagi yang kurang yakin, cuba dahulu dalam akaun demo.

Credit to -<https://intraday.my/tips-premium-cara-cara-trade-news-besar-non-farm-payroll-nfp/>